

NO. SOALAN : ³⁶~~38~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMOR]

TARIKH : 24 November 2015

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos dan kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan dalam kes Semakan Kehakiman (*Judical Review*) dan guaman lain dalam tempoh lima tahun yang lepas.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tuntutan dan pampasan yang telah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan dari tahun 2010 hingga 2014 bagi penyelesaian di luar mahkamah untuk pampasan kerana tuntutan yang dibuat kepada Kerajaan seperti kes di hospital dan kemalangan kereta Kerajaan adalah RM24.3 juta.

Sekian, terima kasih.